

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 27 Disember 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA, NOVEMBER 2024

Terma Perdagangan Malaysia berkembang 0.4 peratus pada November 2024, dipengaruhi oleh bahan kimia.

PUTRAJAYA, 27 DISEMBER 2024 – Harga eksport Malaysia pada November 2024 meningkat 0.9 peratus daripada 147.8 mata pada bulan sebelumnya kepada 149.1 mata. Begitu juga, harga import naik 0.5 peratus daripada 126.3 mata kepada 126.9 mata dan terma perdagangan Malaysia bertambah 0.4 peratus bulan ke bulan kepada 117.5 mata pada November 2024, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), NOVEMBER 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, indeks nilai seunit eksport naik 0.9 peratus pada November 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+4.7%), minyak galian (+1.9%) dan barang-barang keluaran kilang (+1.1%). Namun begitu, indeks volum eksport jatuh 2.1 peratus selaras dengan kejatuhan indeks makanan (-11.7%), barang-barang keluaran kilang (-3.5%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-2.3%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim berkembang 1.5 peratus daripada 156.9 mata kepada 159.3 mata. Merujuk kepada perbandingan


tahunan, indeks nilai seunit berkurang 0.1 peratus manakala indeks volum bertambah 4.2 peratus.

Indeks nilai seunit import meningkat 0.5 peratus pada November 2024, disumbangkan oleh peningkatan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+7.9%), minyak galian (+1.7%) dan makanan (+0.7%). Manakala, indeks volum import susut 4.8 peratus pada November 2024 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks minyak galian (-12.9%), bahan kimia (-7.4%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-5.8%). Indeks volum import pelarasan bermusim merosot 1.3 peratus daripada 209.9 mata kepada 199.9 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import menyusut 2.7 peratus dan indeks volum bertambah 4.5 peratus.

Terma perdagangan Malaysia melonjak 0.4 peratus bulan ke bulan kepada 117.5 mata pada November 2024, didorong oleh kenaikan indeks bahan kimia (+1.2%), barang-barang keluaran kilang (+1.1%) dan makanan (+1.1%). Sementara itu, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun menokok 2.6 peratus daripada 114.5 mata pada November tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2022 – November 2024**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 DISEMBER 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, December 27th 2024



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

EXTERNAL TRADE INDICES, MALAYSIA, NOVEMBER 2024

***Malaysia's Terms of Trade grew 0.4 per cent in November 2024,
driven by chemicals.***

PUTRAJAYA, DECEMBER 27, 2024 – Malaysia's export prices in November 2024 went up by 0.9 per cent from 147.8 points in the previous month to 149.1 points. Likewise, import prices increased 0.5 per cent from 126.3 per cent to 126.9 points and Malaysia's terms of trade rose 0.4 per cent month-on-month to 117.5 points in November 2024 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), NOVEMBER 2024**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that the export unit value index edged up by 0.9 per cent in November 2024 as compared to the previous month. This increase was primarily driven by an increment in the indices of animal & vegetable oils & fats (+4.7%), mineral fuels (+1.9%) and manufactured goods (+1.1%). However, the export volume index fell by 2.1 per cent in line with the decrease in the index of food (-11.7%), manufactured goods (-3.5%) and machinery & transport equipment (-2.3%). The seasonally adjusted export volume index expanded by 1.5 per cent from 156.9 points to 159.3 points. Referring to the annual comparison, the unit value index decreased by 0.1 per cent while volume index increased by 4.2 per cent.

The index of animal & vegetable oils & fats (+7.9%), mineral fuels (+1.7%) and food (+0.7%) all contributed to a 0.5 per cent increase in the import unit value index in November 2024. The import volume index slipped by 4.8 per cent in November 2024 as compared to the previous month, contributed by the declined in the index of mineral fuels (-12.9%), chemicals (-7.4%) and machinery & transport equipment (-5.8%). The seasonally adjusted import volume index went down by 1.3 per cent from 209.9 points to 199.9 points. A year-on-year comparison showed that the unit value index down by 2.7 per cent and volume index up by 4.5 per cent.

Malaysia's terms of trade rebounded 0.4 per cent month-on-month to 117.5 points in November 2024, driven by the increased in the index of chemicals (+1.2%), manufactured goods (+1.1%) and food (+1.1%), Meanwhile, Malaysia's terms of trade climbed 2.6 per cent year-on-year from 114.5 points in November previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2022 – November 2024

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN
MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
27 DECEMBER 2024